

# Kereta Malaysia: PM kian yakin lepas lawat Korea

SUBANG. Ahad — Pengalaman Korea Selatan membuktikan bahawa Industri kereta boleh menguntungkan walaupun dijalankan secara kecil-kecilan dan tanpa peralatan yang sofisticated.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberitahu pemberita sekembalinya dari lawatan rasmi seminggu ke republik itu beliau berpeluang melawat dua buah

kilang membuat kereta di Korea.

Dalam lawatannya ke kilang kereta Daiwo, Perdana Menteri berkata, beliau diberitahu bahawa kilang itu mengeluarkan hanya 24,000 buah kereta dari lima jenis setahun.

Selain dari untuk kegunaan dalam negeri, kereta-kereta kilang itu juga dieksport ke negara-negara Timur Tengah.

Bellau juga melawat kilang kereta Hyundai yang mempunyai keupayaan mengeluarkan 120,000 buah kereta seta-

hun dengan menggunakan alat-alat yang sofisticated dan moden.

Kereta-kereta keluaran kilang itu juga digunakan dalam negeri dan dieksport ke Eropah dan Timur Tengah.

"Ini menunjukkan bahawa industri kereta dapat bergerak dan menguntungkan walaupun kilang yang mengeluarkan kereta itu kecil dan mempunyai alat-alat terhad.

"Apa yang penting ialah kesungguhan rakyat Korea untuk bekerja keras dan meningkatkan

kecekapan serta daya pengeluaran bagi membolehkan industri itu berjaya," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir yakin maklumat dan pengalaman yang diperolehi dalam lawatan itu akan berguna bagi industri kereta negara ini.

## Berguna

Malaysia akan mengeluarkan kereta sendiri menjelang awal 1985.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datuk Seri Dr Siti Hasmah di Lapangan Terbang Antara-

bangsa Kuala Lumpur di sini, disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan Datin Maria serta beberapa menteri kabinet dan timbalan menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahukan pengubahsuaian perabot tempatan mencontohi usaha industri perabot Korea Selatan.

Katanya, dengan menggunakan bahan-bahan mentah termasuk kayu-kayuan Malaysia dan peralatan moden, negara itu mampu mengeluarkan perabot bermutu yang mendapat pasaran di Eropah dan Amerika Syarikat.

"Saya berpendapat jika pengusaha-pengusaha perabot tempatan menggunakan alat-alat yang lebih moden mereka akan dapat memperbaik mutu dan daya pengeluaran serta menjimatkan kos," ujarnya.

Mengenal lawatan itu keseluruhannya, Perdana Menteri berkata, beliau telah mendapat jaminan daripada pemimpin-pemimpin Korea Selatan, khususnya Presiden Chun Doo Hwan dan Perdana Menteri Kim Sung-Hyup, bahawa negara itu akan membantu menayakan dasar Pandang ke Timur dan rancangan perindustrian Malaysia.

## Berhasil

Bellau menifatkan lawatan itu telah berhasil merapatkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan.

Katanya, Korea memberi jaminan akan membuka lebih banyak peluang kepada penuntut-penuntut Malaysia belajar di universiti negara itu serta melatih lebih ramai pekerja negara ini di bidang perusahaaan dan perindustrian.

"Pemimpin-pemimpin Korea juga menegakkan bahawa mereka akan menimbang sebaik-baiknya hasrat Malaysia apabila usahawan-usahawan negara itu meningkatkan pelaburan di negara ini, di samping menyertai projek-projek pembangunan di sini," ujarnya.

Bellau juga puas hati dengan hubungan erat yang dapat dijalin oleh ahli-ahli perniagaan dan usahawan Malaysia yang menyertai lawatan itu dengan rakan sejawat mereka dari Korea Selatan.

DI SEOUL, wakil Berita Harian, Zahuddin Arip melaporkan, Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah serta rombongan Malaysia diucapkan selamat jalan dan terima kasih atau 'Khamma Hammda' oleh rakan sejawatnya, Encik Kim Sung-Hyup di Lapangan Terbang Antarabangsa Gimpo tepat jam 9 pagi.

Perdana Menteri memeriksa perbarisan kehormatan dan kemudian bersalaman dengan menteri-menteri Korea, perwakilan asing di republik itu dan sebilangan rakyat Malaysia untuk mengucapkan selamat tinggal.

Sebelum berlepas, Datuk Seri Dr Mahathir sekali lagi mengundang Encik Kim melawat Malaysia untuk menjalin hubungan yang lebih erat antara Malaysia dan Korea.

Sementara itu, rombongan 30 usahawan Malaysia yang mengikuti rombongan Perdana Menteri menderma AS\$35,000 kepada berbagai-bagai pertubuhan sukarela termasuk Jawatankuasa Umat Islam republik itu.



TENTU ada pengalaman manis dialami oleh Datuk Seri Dr Mahathir dalam lawatannya ke Korea Selatan hingga Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam tertawa mendengar bualannya waktu menyambut kepulangan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di

Subang, semalam.

Turut kelihatan ialah (dari kiri) Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Haji Suhaimi Kamaruddin. Gambar Berita Harian.

No. Siri 5866  
No. Penerbitan 183/86

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia